KEPUTUSAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KERJA ISMS KALI KE-18 (KHAS) SECARA EDARAN

Tarikh Edaran : 29 Julai 2020

Senarai Maklum Balas Edaran : Sepertimana di **Lampiran A**

18.1 Pendahuluan

Ahli Mesyuarat dimaklumkan:

(a) Tujuan kertas cadangan pindaan dokumen dikemukakan adalah untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Universiti Putra Malaysia secara edaran bertarikh 29 Julai 2020 bagi laporan berikut:

(i) Cadangan Perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM (Kemaskini 29 Julai 2020);
(ii) Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Julai 2020);
(iii) Laporan Perubahan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) (Kemaskini 29 Julai 2020); dan
(iv) Cadangan Perubahan Struktur dan Terma Rujukan Lantikan ISMS Tahun 2020.

(b) Justifikasi perubahan ke atas empat (4) laporan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Bil	Dokumen	Justifikasi Perubahan
i.	Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM	Perubahan pada dasar, penyataan objektif dan struktur ISMS mengambilkira perubahan semasa.
ii.	Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS	Perubahan aset iaitu data/maklumat, perkhidmatan, perisian, perkakasan dan manusia yang memberi impak kepada pelaksanaan ISMS sediaada.
iii.	Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)	Keperluan semasa mengambilkira perubahan dalam kaedah kawalan dan dokumentasi yang terlibat.
iv.	Struktur dan Terma Rujukan Lantikan ISMS	Perubahan hasil semakan semula struktur dan terma rujukan mengambikira cadangan penambahbaikan yang ditemui semasa Audit Dalaman ISMS Tahun 2019.

(c) Memandangkan tindakan perlu diambil dengan segera, maka dikemukakan kertas edaran mengenai perkara tersebut untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerja ISMS secara edaran.

18.2 Semakan Dokumen dan Keputusan Mesyuarat

Ahli Mesyuarat:

(a) dimaklumkan perincian kesemua empat (4) Laporan yang dinyatakan adalah sepertimana di **Lampiran B**.

(b) bersetuju sebulat suara berdasarkan surat maklum balas Slip Pengesahan Kelulusan sepertimana berikut:

(i) Meluluskan Cadangan Perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM (Kemaskini 29 Julai 2020);
(ii) Meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Julai 2020);
(iii) Meluluskan Laporan Perubahan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) (Kemaskini 29 Julai 2020); dan
(iv) Meluluskan Cadangan Perubahan Struktur dan Terma Rujukan Lantikan ISMS Tahun 2020

untuk digunapakai dan dirujuk oleh semua peneraju/entiti yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS di UPM.

Lampiran A

SENARAI MAKLUM BALAS PERSETUJUAN (EDARAN) –JK KERJA ISMS KE-18 (KHAS)

Bil	Nama	Pusat Tanggungjawab/Jawatan	Keputusan	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
1.	Encik Krishnan Mariappan	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Pengerusi/Timbalan Wakil Pengurusan ISMS)**	✓	
2.	Encik Mohd Faizal Daud	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)**	✓	
3.	Encik Rosmi Othman	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)**	✓	
4.	Tuan Haji Rosdi Wah	**Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)**	✓	
5.	Encik Mustaffa Haji Dollah	**Pusat Jaminan Kualiti (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)**	**Dikecualikan. Sedang cuti sebelum bersara bermula 20 Julai 2020.**	
6.	Puan Noorizai Haji Mohamad Noor	**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah - Kampus Serdang)**	✓	
7.	Encik Fahmi Azar Mistar	**Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah - Kampus Serdang)**	✓	
8.	Encik Sudirman Asmadi	**Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah - Kampus Bintulu)**	✓	
9.	Encik Zaidi Talip	**Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah - Kampus Bintulu)**	✓	
10.	Encik Shahril Iskandar Amir	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Ketua, Pasukan Pusat Data)**	✓	

11.	Encik Rostam Abu Bakar	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)**	✓	
12.	Encik Ahmad Nizam Abdullah	**Pusat Pembangunan Akademik (CADe) (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)**	✓	
13.	Puan Yasminani Mohamad	**Pusat Pembangunan Akademik (CADe) (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)**	✓	
14.	Encik Wan Hafizi Wan Umar	**Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)**	✓	

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KALI KE-18 (SECARA EDARAN)

LAPORAN PERUBAHAN DOKUMENTASI ISMS

1. Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM
2. Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) UPM

CADANGAN PERUBAHAN DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN ISMS

Pengemaskinian berdasarkan perubahan terkini pelaksanaan ISMS di UPM.

Melibatkan perkara berikut:

1) **Perkara 2.1 - Dasar ISMS**
2) **Perkara 2.3 - Objektif ISMS**
3) **Perkara 4.1 – Struktur ISMS**

Nota: Perincian perubahan sebagaimana Lampiran Draf Perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disertakan.

CADANGAN PERUBAHAN PENYATA PEMAKAIAN (SOA)



PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

Dokumen Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability* (SoA)) menggariskan objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia.

2.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk menetapkan proses yang perlu dipatuhi dalam menyediakan SoA.

3.0 PROSES PENYATA PEMAKAIAN (SoA)

3.1 PENYEDIAAN SoA

Proses yang terlibat dalam penyediaan SoA merangkumi:

(a) Memahami keperluan SoA dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013.

(b) Menyediakan kandungan SoA dengan mengambil kira aspek berikut:

(i) Menyenaraikan semua objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013;

(ii) Memberi jawapan **"Ya"** dengan justifikasi pemilihan kepada objektif kawalan dan kawalan selaras dengan **penemuan Pelan Pemulihan Risiko**;

(iii) Memberi jawapan **"Ya"** kepada objektif kawalan dan kawalan **yang sedang dilaksanakan**;

(iv) Memberi jawapan **"Separa"** kepada kawalan yang **masih dalam pembangunan;**

(v) Menyenaraikan **nama prosedur / panduan / dokumen** yang dirujuk bagi menyokong pelaksanaan objektif kawalan dan kawalan tersebut; dan

(vi) Memberi jawapan **"Tidak"** kepada objektif kawalan dan kawalan yang **tidak dipilih** dengan alasan pengecualiannya

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	Sek	Objektif Kawalan/ Kawalan					
A.5 DASAR KESELAMATAN MAKLUMAT	A.5.1	**Hala tuju pengurusan untuk keselamatan maklumat** Menyediakan hala tuju dan sokongan pengurusan untuk keselamatan maklumat menurut keperluan perniagaan serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.					
	A.5.1.1	**Dasar keselamatan maklumat** Satu set dasar untuk keselamatan maklumat hendaklah ditakrifkan, diluluskan oleh pengurusan, diterbitkan dan disampaikan kepada kakitangan dan pihak luaran yang berkaitan.	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	Memastikan kawalan keselamatan maklumat dibangunkan dan disahkan oleh Pengurusan Atasan dan disampaikan kepada umum	• Dasar ISMS UPM - diluluskan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti pada ~~9 Disember 2014~~ 10 Disember 2019 - dikomunikasi menerusi Portal eISO UPM • Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat – DASAR ISMS
	A.5.1.2	**Kajian semula dasar untuk keselamatan maklumat** Dasar untuk keselamatan maklumat hendaklah dikaji semula pada sela masa yang dirancang atau jika berlaku perubahan yang ketara bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya berterusan.	Pusat Jaminan Kui	YA	YA	Memastikan dasar	• Semakan berkala dilaksanakan semasa

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	Sek	Objektif Kawalan/ Kawalan					
	A.6.2	**Peranti mudah alih dan telekerja** Memastikan keselamatan telekerja dan penggunaan peranti mudah alih.					
	A.6.2.1	**Dasar peranti mudah alih** Dasar dan langkah-langkah keselamatan sokongan hendaklah digunakan bagi menguruskan risiko yang timbul melalui penggunaan peranti mudah alih.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	YA	YA	Memastikan polisi dan sokongan kepada pengukuran keselamatan diambil kira bagi mengurus risiko daripada penggunaan peranti mudah alih	• GPKTMK ~~(~~6.2.1 Peranti Mudah Alih ~~a) Panduan Pengkomputeran Mudah Alih)~~ • Garis Panduan Keselamatan Peralatan Mudah Alih (UPM/ISMS/SOK/ GP05/PERALATAN MUDAH ALIH)
	A.6.2.2	**Telekerja** Dasar dan langkah-langkah keselamatan sokongan hendaklah dilaksanakan bagi melindungi maklumat yang diakses, diproses atau disimpan di tapak telekerja.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	YA	YA	Memastikan kawalan capaian kepada sistem (teleworking) oleh pekerja yang dibenarkan sahaja.	• Garis Panduan Pemantauan Capaian ke Sistem (UPM/ISMS/OPR/GP06/ PEMANTAUAN CAPAIAN) Perkara 4.0 Pemantauan Capaian • GPKTMK 6.2.2 Teleworking • Arahan Kerja Perkhidmatan Sokongan ICT (OPR/IDEC/AK31/ PERKHIDMATAN SOKONGAN ICT) Perkara 3.2.1 Rangkaian (4)

Nota:

- ~~Digugurkan~~
- Tambahan

Perincian perubahan sebagaimana pada **Lampiran Draf Perubahan Penyata Pemakaian (SoA) yang disertakan.**

SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon:

1. mengambil maklum cadangan perubahan terkini Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Dokumen Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) dengan tarikh kemaskini 29 Julai 2020; dan

2. memastikan penggunaan/rujukan kepada dokumen terkini oleh PTJ/entiti yang terlibat bagi setiap pasukan ISMS UPM.

DOKUMEN RUJUKAN
PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

http//www.upm.edu.my

DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT UPM

Senarai Kandungan

1. PENGENALAN

1.1 Pengenalan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Information Security Management System – ISMS)

ISO/IEC 27001:2013 ISMS merupakan piawaian yang menetapkan satu set keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. Istilah maklumat, merangkumi koleksi fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik bagi mencapai misi dan objektif organisasi. Maklumat merangkumi sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod agensi, profil pelanggan, pangkalan data, fail data dan maklumat, maklumat arkib dan lain-lain.

Pembudayaan ISMS akan mewujudkan sistem penyampaian yang bukan sahaja memenuhi tuntutan serta kepuasan pengguna dan mematuhi peraturan semasa tetapi membolehkan sistem penyampaian beroperasi dalam keadaan baik, selamat dan terkawal.

ISMS turut menyediakan tanda aras (benchmark) tahap pengurusan keselamatan maklumat Universiti berasaskan piawaian antarabangsa serta memantapkan perlindungan maklumat dalam aset ICT berteraskan prinsip kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.

ISMS dibangunkan berdasarkan kepada keperluan dalam Klausa 4: Konteks Organisasi hingga Klausa 10: Penambahbaikan dalam piawaian ISO/IEC 27001:2013 yang hendaklah dipatuhi mengikut keperluan piawaian.

1.2 Sejarah Pelaksanaan ISMS di UPM

UPM telah memulakan tindakan melaksanakan dengan adanya arahan daripada MAMPU yang telah meminta agar semua Universiti Awam dipersijilkan dengan ISO/IEC 27001 agar keselamatan maklumat terpelihara, diperoleh dengan cepat dan keselamatannya di kawal.

UPM telah mengorak langkah ke arah ISMS mulai 8 Disember 2011. Audit Peringkat Pertama telah diadakan pada 24 Oktober 2012, disusuli oleh Audit Peringkat Kedua pada 19 hingga 20 Disember 2012. Alhamdulillah UPM telah berjaya melepasi peringkat persijilan ini dengan memperolehi tujuh (7) peluang penambahbaikan. UPM telah berjaya memperolehi sijil ISMS bernombor AR5761 pada 4 Januari 2013.

Pada tahun 2018, menerusi Audit Pensijilan Semula SIRIM (kitaran kedua) yang diadakan pada 2 September & 1 - 3 Oktober 2018, UPM telah berjaya memperluaskan skop pensijilan ISMS kepada proses penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti bagi Kampus Serdang dan Bintulu. Sejajar dengan itu juga, no. Pensijilan ISMS telah dipinda kepada ISMS 00150 berdasarkan ketetapan terkini oleh pihak SIRIM.

2. PELAKSANAAN ISMS

2.1 Dasar ISMS

Pemakaian Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (http://reg.upm.edu.my/eISO)

Digugurkan

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT) 2014

Universiti Putra Malaysia beriltizam mengadakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang berkesan melalui:

a) Pematuhan kepada kehendak organisasi dan perundangan serta peraturan;

b) Pembangunan objektif dan matlamat berdasarkan objektif keselamatan;

c) Komitmen bagi memenuhi keperluan berkaitan keselamatan maklumat; dan

d) Penilaian semula dan pengubahsuaian dasar, objektif dan sasaran untuk penambahbaikan berterusan.

PEMANSUHAN

Apa-apa dasar atau polisi mengenai pengurusan keselamatan maklumat Universiti Putra Malaysia yang berkuatkuasa sebelum ini adalah dimansuhkan.

ACADEMICIAN PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO'
DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia
9 Disember 2014

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

2.2 Skop Pensijilan, Pengecualian Skop dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang Terlibat

Skop pensijilan ISMS UPM adalah:

i. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman; dan

ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.

Pengecualian skop pensijilan ISMS proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah adalah kepada pendaftaran kursus, *Meal Plan* dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:

i. Pengajian Jarak Jauh;
ii. Program untuk Eksekutif; dan
iii. Antarabangsa.

PTJ terlibat adalah:

i. Pusat Jaminan Kualiti;
ii. Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik;
iii. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
iv. Pejabat Penasihat Undang-Undang;
v. Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi ;
vi. Pejabat Pendaftar;
vii. Pejabat Bursar;
viii. Pusat Kesihatan Universiti;
ix. Bahagian Hal Ehwal Pelajar;
x. Bahagian Keselamatan Universiti;
xi. Perpustakaan Sultan Abdul Samad;
xii. Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset;
xiii. Pusat Pembangunan Akademik;
xiv. Semua Kolej Kediaman;
xv. Semua Fakulti; dan
xvi. Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak.

2.3 Objektif ISMS

Penetapan Objektif ISMS yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (http://reg.upm.edu.my/eISO)

~~Objektif Keselamatan Maklumat yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:~~

Digugurkan

~~BIL~~	~~PENYATAAN OBJEKTIF~~	~~PENERAJU~~
~~1.~~	~~Memastikan bakal pelajar prasiswazah yang sah sahaja mendaftar~~	~~Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)~~
~~1.~~	~~Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian~~	~~Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)~~
~~2.~~	~~Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan~~	~~Pasukan Pusat Data~~
~~3.~~	~~Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik~~	~~Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti~~

Nota: Pemantauan pencapaian objektif keselamatan maklumat di buat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti sebanyak dua kali setahun (pertengahan dan akhir tahun) dan penilaian keseluruhan bagi tujuan penambahbaikan dibuat melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS setiap tahun.

2.4 Pihak Berkepentingan dan Keperluan Mereka

BIL.	PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN PIHAK BERKEPENTINGAN
1.	Pelajar	Maklumat/data peribadi dan akademik pelajar yang dilindungi
2.	Warga UPM	Maklumat/data peribadi yang dilindungi
3.	Ibubapa dan penjaga	Maklumat/data prestasi pelajar yang dilindungi
4.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Maklumat/data profil Universiti, pelajar, penyelidikan, sumber manusia dan kewangan yang dilindungi
5.	Penaja Pendidikan	Maklumat/data prestasi pelajar yang tepat
6.	Agensi Kerajaan	Maklumat/data yang tepat
7.	Pembekal	i. Maklumat/data kontrak yang dipatuhi ii. Maklumat/data kerjasama yang jelas
8.	Badan Penarafan	Maklumat /data yang tepat
9.	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	Maklumat/data Universiti yang tepat
10.	Pejabat Residen Bintulu	Maklumat/data Universiti yang tepat

2.5 Isu Dalaman dan Isu Luaran

BIL.	KEBERHASILAN	ISU DALAMAN	ISU LUARAN
1.	Meningkatkan reputasi Universiti	i. Pembudayaan pengurusan keselamatan maklumat setiap warga UPM a) Kurang kefahaman dalam kalangan pekerja b) Ketidakjelasan tanggungjawab dan proses ii. Tahap kebolehpercayaan, integriti dan ketersediaan data iii. Kekangan sumber manusia dan kewangan iv. Infrastruktur tidak menyokong proses	i. Perubahan Dasar Kerajaan ii. Perkembangan teknologi dan inovasi yang pantas iii. Ekonomi tidak menentu iv. Ancaman ekologi v. Ekspektasi pelanggan terlalu tinggi vi. Kriteria penarafan yang berubah vii. Gangguan media sosial viii. Masalah komunikasi
2.	Mengekalkan status Universiti Penyelidikan (RU)		
3.	Mengekalkan status Swa Akreditasi		
4.	Mencapai kedudukan 200 universiti terbaik dunia (QS *World Ranking*) menjelang 2020		
5.	Mengekalkan status autonomi tadbir urus		
6.	Mencapai kedudukan 200 laman web universiti terbaik dalam *Webometrics Ranking* menjelang 2020		
7.	Mengekalkan kedudukan 50 universiti terbaik dalam *Green Metric World Ranking*		
8.	Kebolehpasaran graduan (80% semasa konvokesyen)		
9.	Melonjakkan jaringan industri dan masyarakat		
10.	Memperkasakan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian		
11.	Mempertingkatkan kualiti tadbir urus		

2.6 Pengurusan Risiko

Penilaian Risiko

Penilaian risiko aset yang berkaitan dilaksanakan berasaskan Metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (*Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology*) berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005: Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam.

Sebelas (11) langkah utama dalam proses penilaian risiko aset adalah seperti berikut:



Pemulihan Risiko

Perkara yang perlu dikenalpasti dan dilaksanakan semasa proses pemulihan risiko adalah seperti berikut:

a. Membuat pilihan cadangan pemulihan risiko (menerima, mengurangkan, memindahkan, atau mengelakkan);
b. Mengenal pasti kawalan yang bersesuaian terhadap cadangan pemulihan risiko yang telah dipilih;
c. Melaksanakan perbandingan antara kawalan yang dipilih dengan Annex A;
d. Mewujudkan *Statement of Applicability (SoA)* yang mengandungi kawalan bersesuaian;
e. Menyediakan Pelan Pemulihan Risiko; dan
f. Mendapatkan kelulusan Pentadbir Proses dan Pentadbir Sistem serta penerimaan ke atas risiko yang telah dipilih.

3. PENYATA PEMAKAIAN (STATEMENT OF APPLICABILITY)

Penyata Pemakaian *(Statement of Applicability)* atau SoA menjelaskan justifikasi kawalan dan dokumen rujukan dalam melindungi keselamatan aset ICT dalam skop ISMS. Pemilihan kawalan dalam SoA adalah hasil Pemulihan Risiko dan peraturan-peraturan perlindungan aset ICT dalam Kaedah-Kaedah UPM (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dan Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat Komunikasi (GPKTMK).

SoA terkini yang juga merupakan lampiran kepada dokumen rujukan ini boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM di bawah pautan "Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)".

4. JAWATANKUASA DAN PERANAN

4.1 Struktur Organisasi ISMS

Struktur Organisasi ISMS yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (http://reg.upm.edu.my/eISO)

Digugurkan



4.2 Peranan dan Tanggungjawab

PERANAN	TANGGUNGJAWAB
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN	1. Melaksanakan semakan pengurusan ke atas sistem pengurusan ISO secara berkala bagi memastikan terus sesuai, mencukupi, dan berkesan; 2. Membuat penilaian ke atas peluang penambahbaikan dan keperluan perubahan kepada dasar dan objektif keselamatan ISMS; dan 3. Meneliti laporan yang berkaitan dan membuat keputusan yang sesuai.
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM	1. Memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO secara berkala; 2. Membuat penilaian ke atas peluang penambahbaikan dan keperluan perubahan kepada pengukuran keberkesanan ISMS; 3. Meluluskan sebarang cadangan pindaan dokumen skop pengurusan; dan 4. Mengambil maklum keberkesanan pelaksanaan ISO di peringkat Peneraju Proses dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).
WAKIL PENGURUSAN	1. Memastikan pembangunan dan pelaksanaan ISMS mematuhi keperluan piawaian; dan

PERANAN	TANGGUNGJAWAB
	2. Melaporkan pencapaian ISMS dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).
SEKRETARIAT PUSAT JAMINAN KUALITI	1. Merancang dan mengurus audit dalaman dan audit badan pensijilan Sistem Pengurusan ISO peringkat UPM; 2. Menyelaras dan memantau pelaksanaan tindakan penemuan audit dalaman dan audit badan pensijilan; 3. Membantu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS; dan 4. Membantu dalam pembangunan dan latihan ISMS.
JAWATANKUASA KERJA ISMS	1. Memantau keberkesanan pelaksanaan ISMS; 2. Memantau pencapaian objektif kualiti; 3. Melaksana penambahbaikan terhadap dokumentasi, proses dan perkhidmatan; 4. Menyediakan laporan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat; 5. Memantau dan menyemak carta perbatuan ISMS; 6. Membangunkan kriteria penerimaan risiko, tahap risiko dan *risk treatment plan;* 7. Melaksanakan keputusan dan tindakan hasil Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS; 8. Membangun dan menyelenggara pengurusan dokumen dan rekod pelaksanaan ISMS; dan 9. Mengambil tindakan ke atas kawalan ketakakuran, tindakan pembetulan dan peluang penambahbaikan.
PASUKAN PUSAT DATA, PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH (KAMPUS SERDANG DAN KAMPUS BINTULU) DAN PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI	1. Menyediakan analisis jurang, *Statement of Applicability* (SoA) dan prosedur berkaitan; 2. Menyediakan prosedur dan kawalan dalam ISO/IEC 27001:2013; 3. Melaksanakan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko; 4. Menyediakan objektif keselamatan dan kaedah pengukuran keberkesanan kawalan ISMS; 5. Mengukur keberkesanan kawalan ISMS; dan 6. Memantau dan menilai pelaksanaan ISMS. 7. Mengurus dan melaksanakan aktiviti penilaian berisiko; 8. Mengendalikan semakan semula *output* dan dokumen sebelum disampaikan kepada Penasihat Projek; 9. Menilai keputusan, menilai jurang dan menyediakan laporan *High Level Recommendation* (HLR) dan Pelan Pemulihan Risiko.

5. SENARAI *STANDARD OPERATION PROCEDURE* (SOP) YANG DIRUJUK

SOP ISMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM			
Bil	**Kod Dokumen**	**Nama Dokumen**	**Peneraju Proses**
Dokumentasi ISMS ISO/IEC 27001 sebagaimana paparan Portal eISO UPM			
SOP QMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM			
Bil	**Kod Dokumen**	**Nama Dokumen**	**Peneraju Proses**
1.	UPM/PGR/P001	Prosedur Pengurusan Dokumen ISO	Pusat Jaminan Kualiti
2.	UPM/PGR/P003	Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, dan Peluang Penambahbaikan	Pusat Jaminan Kualiti
3.	UPM/PGR/P004	Prosedur Audit Dalaman ISO	Pusat Jaminan Kualiti
4.	UPM/PGR/P008	Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO UPM	Pusat Jaminan Kualiti
5.	PU/PS/GP010/SMP-ID	Garis Panduan Pengurusan Identiti Pengguna (ID) Sistem Maklumat Pelajar	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik
6.	UPM/SOK/BUM/P001	Prosedur Pelantikan Staf Tetap Bagi Kumpulan Pengurusan dan Professional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana	Pejabat Pendaftar
7.	UPM/SOK/BUM/GP03/Lapor Diri	Garis Panduan Lapor Diri	Pejabat Pendaftar
8.	UPM/SOK/KEW-BUY/P016	Prosedur Perolehan Universiti	Pejabat Bursar
9.	UPM/SOK/KEW-AST/P012	Prosedur Pengurusan Aset Alih	Pejabat Bursar
10.	UPM/SOK/KEW/GP020/AST	Garis Panduan Pelupusan Aset Alih	Pejabat Bursar
11.	UPM/SOK/KEW/AK002/BUY	Arahan Kerja Penilaian Prestasi Syarikat	Pejabat Bursar
12.	UPM/SOK/LAT/P001	Prosedur Pengurusan Latihan Pekerja Universiti Putra Malaysia	Pejabat Pendaftar
13.	UPM/OPR/PNC-UI/P001	Prosedur Pengurusan Mesyuarat Tatatertib Staf	Pejabat Naib Canselor (Unit Integriti)
14.	UPM/OPR/BUR-BUY/P003	Prosedur Pendaftaran Syarikat dan Pekerja/Individu	Pejabat Bursar
15.	UPM/OPR/iDEC/P001	Prosedur Pembangunan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
16.	UPM/OPR/iDEC/P002	Prosedur Perkhidmatan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
17.	UPM/OPR/iDEC/P003	Prosedur Penyelenggaraan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
18.	UPM/OPR/CADE/AK01	Arahan Kerja Pelaksanaan Penilaian Pengajaran	Pusat Pembangunan Akademik

SOP QMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM			
Bil	**Kod Dokumen**	**Nama Dokumen**	**Peneraju Proses**
19.	OPR/iDEC/GP06/ Pengaturcaraan Aplikasi	Garis Panduan Perlaksanaan Pengaturcaraan Sistem Aplikasi	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
20.	UPM/OPR/BKU/P001	Prosedur Kawalan Akses	Bahagian Keselamatan Universiti

Kemaskini: 29 Julai 2020

PENYATA PEMAKAIAN
(*STATEMENT OF APPLICABILITY)*
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

Dokumen Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability (*SoA)) menggariskan objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia.

2.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk menetapkan proses yang perlu dipatuhi dalam menyediakan SoA.

3.0 PROSES PENYATA PEMAKAIAN *(*SoA)

3.1 PENYEDIAAN SoA

Proses yang terlibat dalam penyediaan SoA merangkumi:

(a) Memahami keperluan SoA dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013.

(b) Menyediakan kandungan SoA dengan mengambil kira aspek berikut:

(i) Menyenaraikan semua objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013;

(ii) Memberi jawapan **"Ya"** dengan justifikasi pemilihan kepada objektif kawalan dan kawalan selaras dengan **penemuan Pelan Pemulihan Risiko***;*

(iii) Memberi jawapan **"Ya"** kepada objektif kawalan dan kawalan **yang sedang dilaksanakan***;*

(iv) Memberi jawapan **"Separa"** kepada kawalan yang **masih dalam pembangunan;**

(v) Menyenaraikan **nama prosedur / panduan / dokumen** yang dirujuk bagi menyokong pelaksanaan objektif kawalan dan kawalan tersebut; dan

(vi) Memberi jawapan **"Tidak"** kepada objektif kawalan dan kawalan yang **tidak dipilih** dengan alasan pengecualiannya.

(c) Membentangkan cadangan awal SoA dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS.

3.2 PELAKSANAAN SoA

Pelaksanaan SoA hendaklah mengambil kira aspek berikut:

(a) Memaklumkan kepada semua pengguna ISMS berhubung penguatkuasaan dokumen SoA;

(b) Melaksanakan program kesedaran pematuhan semua peraturan Polisi ISMS selaras dengan keperluan SoA;

(c) Memantau tahap pematuhan pelaksanaan kawalan dalam SoA sekurang-kurangnya sekali dalam setahun; dan
(d) Melaporkan penemuan di para c) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS untuk pertimbangan dan kelulusan.

3.3 PENGEMASKINIAN SoA

SoA perlu dikemaskini dengan mengambilkira perkara berikut:

(a) Penemuan penilaian semula risiko;
(b) Perubahan justifikasi pemilihan kawalan;
(c) Perluasan skop ISMS;
(d) Penambahan atau pengecualian aset ISMS;
(e) Perubahan struktur organisasi;
(f) Penambahbaikan ke atas pelaksanaan ISMS;
(g) Pengemaskinian ke atas dokumen rujukan; dan
(h) Perubahan disebabkan oleh keperluan lain.

Sebarang pindaan kepada SoA hendaklah mematuhi perkara yang dinyatakan dalam para 3.1(c) di atas.

4.0 JADUAL PENYATAAN PEMAKAIAN *(SoA)*

SoA di **LAMPIRAN A** menyediakan ringkasan keputusan berkaitan pemulihan risiko (*risk treatment*). Sebarang objektif kawalan dan kawalan yang **tidak dipilih** diberikan alasan pengecualiannya bagi memastikan suatu kawalan tidak sengaja diabaikan.

5.0 CARTA ALIRAN



Lampiran A: SoA Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 ISMS Universiti Putra Malaysia

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
A.5 DASAR KESELAMATAN MAKLUMAT	A.5.1	**Hala tuju pengurusan untuk keselamatan maklumat** Menyediakan hala tuju dan sokongan pengurusan untuk keselamatan maklumat menurut keperluan perniagaan serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.					
	A.5.1.1	**Dasar keselamatan maklumat** Satu set dasar untuk keselamatan maklumat hendaklah ditakrifkan, diluluskan oleh pengurusan, diterbitkan dan disampaikan kepada kakitangan dan pihak luaran yang berkaitan.	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	Memastikan kawalan keselamatan maklumat dibangunkan dan disahkan oleh Pengurusan Atasan dan disampaikan kepada umum	• Dasar ISMS UPM - diluluskan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti pada ~~9 Disember 2014~~ 10 Disember 2019 - dikomunikasi menerusi Portal eISO UPM • Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat – DASAR ISMS
	A.5.1.2	**Kajian semula dasar untuk keselamatan maklumat** Dasar untuk keselamatan maklumat hendaklah dikaji semula pada sela masa yang dirancang atau jika berlaku perubahan yang ketara bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya berterusan.	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	Memastikan dasar sentiasa terkini berdasarkan skop dan pelaksanaan ISMS	• Semakan berkala dilaksanakan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS UPM

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
A.6 PERANCANGAN BAGI KESELAMATAN MAKLUMAT	A.6.1	**Perancangan dalaman** Menyediakan rangka kerja pengurusan untuk memulakan dan mengawal pelaksanaan dan operasi keselamatan dalam organisasi.					
	A.6.1.1	**Peranan dan tanggungjawab keselamatan maklumat** Semua tanggungjawab keselamatan maklumat hendaklah ditakrifkan dan diperuntukkan.	Pusat Jaminan Kualiti	YA	YA	Memastikan semua tanggungjawab keselamatan maklumat ditakrifkan dan diperuntukkan	• Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat - PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
	A.6.1.2	**Pengasingan tugas** Tugas dan bidang tanggungjawab yang bercanggah hendaklah diasingkan bagi mengurangkan peluang mengubah suai, tanpa kebenaran atau dengan tidak sengaja mengubah, atau menyalahgunakan aset organisasi.	Peneraju ISMS & Pejabat Pendaftar	YA	YA	Memastikan tugas dan bidang tugas diasingkan untuk mengurangkan peluang bagi pengubahsuaian atau penyalahgunaan aset organisasi yang tidak dibenarkan atau yang tidak disengajakan.	• Senarai tugas Akademik/Bukan Akademik/Pelaksana ▪ Termasuk tugas pentadbiran. (Contoh: sebagai Dekan, Pengetua Kolej, Pengarah, Penolong Pengarah/Timbalan Pengarah) • Senarai tugas pada setiap pekerja UPM • Struktur organisasi PTJ

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.6.1.3	**Hubungan dengan pihak berkuasa** Hubungan yang baik dengan pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah dikekalkan.	Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan hubungan dengan pihak berkuasa berkaitan dikekalkan.	• Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Pindaan 2012 • Seksyen 66 Akta Imigresen 1969/63 (Akta 155) • Akta Perubatan 1971 • *Malaysian Medical Council*
	A.6.1.4	**Hubungan dengan kumpulan berkepentingan yang khusus** Hubungan baik dengan kumpulan berkepentingan yang khusus atau forum pakar keselamatan dan persatuan/pertubuhan profesional yang lain hendaklah dikekalkan.	Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan hubungan dengan pihak kepentingan atau lain-lain forum keselamatan dan persatuan profesional dikekalkan.	• Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) • Pelan Komunikasi Krisis • Pelan Tindak Balas Insiden • Pelan Pemulihan Bencana ICT (DRP ICT) • Pengauditan OSHA • MyCert – MAMPU • Cybersecurity Malaysia
	A.6.1.5	**Keselamatan maklumat dalam pengurusan projek** Keselamatan maklumat hendaklah ditangani dalam pengurusan projek, tanpa mengambil kira jenis projek.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	YA	YA	Memastikan keselamatan maklumat dalam pengurusan projek yang terlibat dalam skop pensijilan dikawal.	• Prosedur Pembangunan ICT (UPM/OPR/IDEC/P001)

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.6.2	**Peranti mudah alih dan telekerja** Memastikan keselamatan telekerja dan penggunaan peranti mudah alih.					
	A.6.2.1	**Dasar peranti mudah alih** Dasar dan langkah-langkah keselamatan sokongan hendaklah digunakan bagi menguruskan risiko yang timbul melalui penggunaan peranti mudah alih.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	YA	YA	Memastikan polisi dan sokongan kepada pengukuran keselamatan diambil kira bagi mengurus risiko daripada penggunaan peranti mudah alih	• GPKTMK ~~(~~6.2.1 Peranti Mudah Alih~~ a) Panduan Pengkomputeran Mudah Alih)~~ • Garis Panduan Keselamatan Peralatan Mudah Alih (UPM/ISMS/SOK/ GP05/PERALATAN MUDAH ALIH)
	A.6.2.2	**Telekerja** Dasar dan langkah-langkah keselamatan sokongan hendaklah dilaksanakan bagi melindungi maklumat yang diakses, diproses atau disimpan di tapak telekerja.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	YA	YA	Memastikan kawalan capaian kepada sistem (teleworking) oleh pekerja yang dibenarkan sahaja.	• Garis Panduan Pemantauan Capaian ke Sistem (UPM/ISMS/OPR/GP06/ PEMANTAUAN CAPAIAN) Perkara 4.0 Pemantauan Capaian • GPKTMK 6.2.2 Teleworking • Arahan Kerja Perkhidmatan Sokongan ICT (OPR/IDEC/AK31/ PERKHIDMATAN SOKONGAN ICT) Perkara 3.2.1 Rangkaian (4)

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
A.7 KESELAMATAN SUMBER MANUSIA	A.7.1	**Sebelum penjawatan** Memastikan kakitangan dan kontraktor memahami tanggungjawab mereka dan sesuai dengan peranan yang dipertimbangkan untuk mereka.					
	A.7.1.1	**Saringan** Semakan penentusahan latar belakang ke atas semua calon untuk penjawatan hendaklah dilakukan menurut undang-undang, peraturan dan etika yang berkaitan dan hendaklah bersesuaian dengan keperluan perniagaan, klasifikasi maklumat yang hendak diakses dan risiko yang dikenal pasti.	Pejabat Pendaftar	YA	YA	Memastikan semua calon melepasi tapisan keselamatan Kerajaan Malaysia bagi semua calon yang ditawarkan jawatan di UPM	• Prosedur Pelantikan Staf Tetap Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana (UPM/SOK/BUM/P001) • GPKTMK 7.0 (a) : Sebelum Perkhidmatan • Surat Tawaran Jawatan Tetap – keperluan tapisan keselamatan KERAJAAN MALAYSIA. Ini dilaksanakan secara dalam talian di http://evetting.cgso.gov.my/ dalam tempoh 30 hari mulai tarikh lapor diri Bukti permohonan tapisan keselamatan kerajaan Malaysia telah dibuat dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar semasa melapor diri. • Rekod Kenyataan Perkhidmatan (RKP) bagi calon yang dilantik dari agensi luar

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
							• Borang Butir-Butir Perkhidmatan Yang Lepas Dengan Badan-Badan Awam/Swasta (SOK/BUM/BR03/BUTIR)
	A.7.1.2	**Terma dan syarat penjawatan** Persetujuan berkontrak dengan kakitangan dan kontraktor hendaklah menyatakan tanggungjawab mereka dan tanggungjawab organisasi terhadap keselamatan maklumat.	Pejabat Pendaftar & Pejabat Bursar	YA	YA	Memastikan kontrak perjanjian terhadap pekerja dan pembekal menyatakan tanggungjawab organisasi terhadap keselamatan maklumat	• Prosedur Pendaftaran Syarikat dan Pekerja/Individu (UPM/OPR/BUR-BUY/P003) • Garis Panduan Lapor Diri (Aku Janji Pekerja UPM) (UPM/SOK/BUM/GP03/LAPOR DIRI) ~~(Borang Aku Janji bagi pekerja antarabangsa masih dalam proses terjemahan bagi memastikan semua pekerja baharu antarabangsa mengisi borang Aku Janji)~~ • Borang Pengesahan Lapor Diri (SOK/BUM/BR03/ BORANGPENGESAHAN) • Borang Perakuan untuk ditandatangani Oleh penjawat Awam Berkenaan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (SOK/BUM/BR03/AKTA RAHSIA RASMI)

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.7.2	**Dalam tempoh penjawatan** Memastikan kakitangan dan kontraktor mengetahui dan memenuhi tanggungjawab keselamatan maklumat mereka.					
	A.7.2.1	**Tanggungjawab pengurusan** Pengurusan hendaklah menghendaki semua kakitangan dan kontraktor supaya mengamalkan keselamatan maklumat menurut dasar dan prosedur organisasi yang ditetapkan.	Pejabat Pendaftar & Pejabat Bursar	YA	YA	Memastikan polisi dan prosedur keselamatan maklumat yang telah ditetapkan oleh organisasi diikuti oleh pekerja dan pembekal	• Perintah Am • Peraturan Kewangan • Prosedur Perolehan Universiti (UPM/SOK/KEW-BUY/P016) • Garis Panduan Lapor Diri (Aku Janji Pekerja UPM) (UPM/SOK/BUM/GP03/LAPOR DIRI) • Borang Perakuan untuk Ditandatangani oleh Penjawat Awam Berkenaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (SOK/BUM/BR03/AKTA RAHSIA RASMI)

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.7.2.2	**Kesedaran, pendidikan dan latihan tentang keselamatan maklumat** Semua kakitangan organisasi dan, jika berkaitan, kontraktor hendaklah diberikan kesedaran, pendidikan dan latihan sewajarnya dan menerima maklumat secara tetap tentang dasar dan prosedur organisasi, yang berkaitan dengan fungsi tugas mereka.	Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar, Pusat Jaminan Kualiti & Peneraju ISMS (Pasukan pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)	YA	YA	Memastikan pekerja, pelajar dan pembekal menerima latihan dan program kesedaran berkaitan dengan polisi organisasi yang berkaitan dengan fungsi kerja masing-masing	• Prosedur Pengurusan Latihan Pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM/SOK/LAT/P001) • GPKTMK Perkara 7.0 (b) ii Dalam Perkhidmatan • Taklimat Keselamatan Maklumat bagi Pelaksanaan Minggu Perkasa Putra • ISMS – Latihan/Takwim di bawah Pusat Jaminan Kualiti
	A.7.2.3	**Proses tatatertib** Proses tatatertib yang formal hendaklah diadakan dan disampaikan kepada kakitangan bagi membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan pelanggaran keselamatan maklumat.	Pejabat Pendaftar & Unit Integriti	YA	YA	Memastikan proses tindakan tatatertib dilaksanakan terhadap pekerja yang telah melanggar peraturan keselamatan maklumat	• Akta 605 - Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 • Prosedur Pengurusan Mesyuarat Tatatertib Staf (UPM/OPR/PNC-UI/P001) • ~~Garis Panduan Pekerjaan Luar UPM~~ • ~~Kit Panduan Mengurus Staf Tidak Hadir Bertugas~~ • Akta Rahsia Rasmi 1972

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.7.3	**Penamatan dan pertukaran penjawatan** Melindungi kepentingan organisasi sebagai sebahagian daripada proses pertukaran atau penamatan penjawatan.					
	A.7.3.1	**Penamatan atau pertukaran tanggungjawab penjawatan** Tanggungjawab dan tugas keselamatan maklumat yang masih sah selepas penamatan atau pertukaran penjawatan hendaklah ditakrifkan, disampaikan kepada kakitangan dan kontraktor dan dikuatkuasakan.	Pejabat Pendaftar & Pejabat Bursar	YA	YA	Memastikan tanggungjawab keselamatan maklumat terhadap pekerja atau pembekal yang telah tamat perkhidmatan atau berlaku perubahan pekerja hendaklah dikenal pasti dan dikuatkuasakan.	• Perintah –perintah Am Persekutuan Bab A : Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 • GPKTMK Perkara 7.0 (C) Bertukar Atau Tamat Perkhidmatan • Surat Pelantikan Jawatan Pegawai Kanan dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
A.8 PENGURUSAN ASET	A.8.1	**Tanggungjawab terhadap aset** Mengenal pasti aset organisasi dan mentakrifkan tanggungjawab perlindungan yang sewajarnya.					
	A.8.1.1	**Inventori aset** Maklumat, lain-lain aset yang dikaitkan dengan maklumat, dan fasiliti pemprosesan maklumat hendaklah dikenal pasti dan inventori aset ini hendaklah disediakan dan disenggarakan.	Pejabat Bursar & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan aset yang terlibat dengan fasiliti pemprosesan maklumat dikenalpasti dan inventori aset tersebut disedia dan diselenggara	• Prosedur Pengurusan Aset Alih (UPM/SOK/KEW-AST/P012) • Kaedah-kaedah UPM (Teknologi maklumat dan Komunikasi) 2014 Bahagian D – Pengurusan Aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi • GPKTMK 3.0 Perkara 8.0 : Pengurusan Aset
	A.8.1.2	**Pemilikan aset** Aset yang disenggara dalam inventori hendaklah mempunyai pemilik.	Pejabat Bursar & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan setiap aset yang diselanggara mempunyai pemilik	• Prosedur Pengurusan Aset Alih (UPM/SOK/KEW-AST/P012) • Kaedah-kaedah UPM (Teknologi maklumat dan Komunikasi) 2014 Bahagian D – Pengurusan Aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi • GPKTMK 3.0 Perkara 8.0 : Pengurusan Aset

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.8.1.3	**Penggunaan aset yang dibenarkan** Peraturan penggunaan yang dibenarkan bagi maklumat dan aset yang dikaitkan dengan maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat hendaklah dikenal pasti, didokumenkan dan dilaksanakan.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan peraturan untuk kebolehgunaan maklumat dan aset yang berkaitan dengan kemudahan pemprosesan maklumat dan maklumat itu dikenal pasti, didokumen dan dilaksanakan.	• Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat Dan Komunikasi) 2014 : Bahagian F – Pengurusan Data dan Maklumat • GPKTMK 3.0 Perkara 8.2 Pengelasan dan Pengendalian Maklumat
	A.8.1.4	**Pemulangan aset** Semua kakitangan dan pengguna pihak luar hendaklah memulangkan semua aset organisasi yang berada dalam pemilikannya apabila ditamatkan penjawatan, kontrak atau perjanjian mereka.	Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan aset organisasi dipulangkan selepas tamat perkhidmatan	• Perintah –perintah Am Persekutuan Bab A : Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 • Prosedur Pengurusan Aset Alih (UPM/SOK/KEW-AST/P012) • Pekerja : Borang Nota Serah Tugas (SOK/BUM/BR03/SERAH TUGAS) • Dokumen Kontrak Perolehan Pembekal/Pihak Ketiga • Surat Pertukaran (pekerja tidak lagi boleh mengakses sistem di PTJ lama)

Kawalan ISO/IEC 27001:2013			Pemilik Proses	Terpakai (Ya/Tidak)	Dilaksanakan (Ya/Separa/ Tidak)	Justifikasi	Kawalan Semasa
Klausa	**Sek**	**Objektif Kawalan/ Kawalan**					
	A.8.2	**Pengelasan maklumat** Memastikan maklumat mendapat tahap perlindungan yang sesuai menurut kepentingannya kepada organisasi.					
	A.8.2.1	**Pengelasan maklumat** Maklumat hendaklah dikelaskan berdasarkan keperluan undang-undang, nilai, tahap kritikal dan sensitiviti terhadap pendedahan atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan.	Pejabat Pendaftar & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan maklumat dikelaskan untuk mengelak daripada pendedahan atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan	• Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia • Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) • GPKTMK 3.0 Perkara 8.2 Pengkelasan dan Pengendalian Maklumat • Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)
	A.8.2.2	**Pelabelan maklumat** Set prosedur yang sesuai untuk pelabelan maklumat hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan menurut skim pengelasan maklumat yang diterima pakai oleh organisasi.	Pejabat Pendaftar & Peneraju ISMS	YA	YA	Memastikan prosedur untuk pelabelan maklumat dibangunkan mengikut skema klasifikasi maklumat oleh organisasi	• Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia • Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) : (m/s : 28) Bahagian V: Pentadbiran Arkib-Pemprosesan dan pemeliharaan arkib awam. • GPKTMK 3.0 Perkara 8.2 Pengkelasan dan Pengendalian Maklumat • Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)

